



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 43/2020**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(b)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**KONSULTAN GRED II (PERGIGIAN) (MD.19)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



- 1. KONSULTAN GRED II (PERGIGIAN)
KEMENTERIAN KESIHATAN
MD.19 (\$10,000 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

DISIPLIN DI BAWAH *ORTHODONTICS*

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) Tamat Program Latihan Kepakaran Lanjutan (*Advanced Specialist Training, AST*)/**Seamless dan** lulus Peperiksaan "Exit" atau memperolehi Sijil Tamat *AST* yang diiktiraf oleh Kerajaan.

DAN

Telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Perubatan (bermula dari MD.16P) tidak kurang dari empat belas (14) tahun **atau** sebagai Pegawai Perubatan Kanan (Pergigian) (bermula dari MD.17) tidak kurang dari lapan (8) tahun.

ATAU

- ii) Menjadi Ahli (*Membership*) kepada *the Royal Colleges (MFDS, MJDS, MFGDP)* atau sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan **atau** memperolehi Ijazah *Professional Masters* **atau** sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan **serta** tamat *Non-Structured AST*, lulus Peperiksaan "Exit" **dan** telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan sebagai Pakar Bersekutu (Pergigian) (MD.18) tidak kurang dari empat (4) tahun.

ATAU

- iii) Menjadi Ahli (*Membership*) kepada *the Royal Colleges (MFDS, MJDS, MFGDP)* atau sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan **atau** memperolehi Ijazah *Professional Masters* **atau** sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan **serta** tamat *Non-Structured AST*, lulus MOH *Internal Assessment (Advanced)* **dan** telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan sebagai Pakar Bersekutu (Pergigian) (MD.18) tidak kurang dari enam (6) tahun.

ATAU

- iv) Tamat latihan *Non-Structured AST* dalam disiplin kepakaran yang diiktiraf oleh Kerajaan **serta** lulus MOH *Internal Assessment (Advanced)* **dan** telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan sebagai Pakar Bersekutu (Pergigian) (MD.18) selama tidak kurang dari tujuh (7) tahun.

2. Kelulusan-kelulusan tambahan di peringkat Sarjana [*MDPH, MDS, MPH (dental)* dan lain-lain] atau di peringkat "Doctorate" adalah merupakan satu kelebihan.



3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai atau/dan menjadi ahli kumpulan tenaga pakar bagi pengendalian perkhidmatan pergigian berkaitan yang telah ditetapkan.
2. Menyediakan program-program perkhidmatan pergigian di peringkat kebangsaan.
3. Mengurus perkhidmatan pergigian dalam pengendalian dan penyelarasan secara operasi termasuk memberikan pandangan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan.
4. Aktif dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia, ASEAN, APEC dan sebagainya.
5. Menjadi *focal point* bagi Negara Brunei Darussalam bagi program-program perkhidmatan pergigian tertentu dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia, ASEAN, APEC dan sebagainya.
6. Menjalankan kajian dan penyelidikan tertentu bagi isu-isu perkhidmatan pergigian.
7. Menyediakan kertas-kertas kerja berkaitan dengan tugas.
8. Meneliti, memberikan cadangan, memantau dan menilai dasar-dasar perkhidmatan pergigian.
9. Menghadiri persidangan, mesyuarat atau seminar yang berkenaan di peringkat serantau/antarabangsa bagi meningkatkan profesionalisme.
10. Menjadi penasihat dalam kurikulum pembelajaran dan menjadi Pensyarah Kunjungan di Institut-institut Perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
11. Terlibat dalam perancangan dan pengendalian Program Latihan Kepakaran (Pergigian) di Negara Brunei Darussalam.
12. Memberikan nasihat, pandangan dan buah fikiran kepada pihak pengurusan atasan (*top level management*) di Kementerian Kesihatan mengenai perkara-perkara yang tertentu selaras dengan bidang keahlian dan bidang tugas.
13. Melaksanakan apa juu tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian I

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik (dokumen asli)** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang '**Apply**';

- Kad pengenalan dan Lesen Memandu (Jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf

- Sijil-sijil tertinggi/professional serta KELULUSAN TRANSKRIP sepetimana yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan pengesahan pengiktirafan kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ("field") seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" di sebelah kiri diruangan Bachelor of Arts. Jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ("field"), sila tekan tanda "+add"/"tambah" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.

	Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
<input checked="" type="checkbox"/>	BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	DEGREE.pdf
Field				
BUSINESS ADMINISTRATION				
+ Add				



- Pengesahan mengenai dua kertas kerja yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kertas Kerja.pdf

- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.
- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan “*Current Government Employee*”/”Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam”. Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee



Current Government Employee



	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office